



## KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

### KENYATAAN MEDIA

#### PELANCARAN PELAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK TABIKA PERPADUAN 2021-2030

---

Putrajaya, 24 Julai 2021 - YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique hari ini telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030. Majlis telah dilaksanakan secara atas talian sejajar dengan pembudayaan norma baharu mencegah penularan wabak Covid-19.

2. **Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 yang dibangun berteraskan Kurikulum Standard PraSekolah Kebangsaan (KSPK)** memberi fokus kepada penghayatan Pendidikan Rukun Negara dan penerapan nilai-nilai murni dalam diri murid. Inisiatif ini adalah bagi memastikan Tabika Perpaduan menjadi Institusi Prasekolah yang membentuk murid yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, mempunyai semangat cintakan negara dan memiliki akhlak yang mulia.

3. Pelan Pendidikan Awal Kanak-kanak 2021-2030 yang berteraskan cita-cita dan prinsip Rukun Negara dan selari dengan aspirasi Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 menggariskan enam (6) teras dan 14 strategi merangkumi pemantapan dan pengukuhan yang menyeluruh dari aspek kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP), guru tabika perpaduan, tadbir urus, jalinan kerjasama dan sistem pemantauan. Enam (6) teras tersebut adalah:

- i. Memantapkan Elemen Kenegaraan, Perpaduan dan Nilai Murni Dalam Kurikulum Pengajaran Dan Pembelajaran Tabika Perpaduan;
- ii. Memantapkan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP);
- iii. Memantapkan Profesionalisme Dan Kepakaran Guru Tabika Perpaduan;
- iv. Memantapkan Tadbir Urus Pengurusan Dan Pengoperasian Tabika Perpaduan;
- v. Mengukuhkan Jalinan Kerjasama Tabika Perpaduan Bersama Komuniti; dan
- vi. Memperkasakan Mekanisme Pemantauan Dan Penilaian Pengurusan dan Pengoperasian Tabika Perpaduan.

4. 10 Inisiatif baharu telah diperkenalkan di bawah Pelan ini iaitu:
    - i. Tiga (3) mata pelajaran baharu iaitu Pendidikan Rukun Negara, Komunikasi Asas Bahasa Ketiga dan Jom Urus Diri.
    - ii. Tujuh (7) buku aktiviti iaitu buku:
      - Pendidikan Rukunegara
      - Jom Urus Diri
      - Bahasa Melayu
      - Bahasa Inggeris
      - Buku Matematik Awal
      - Buku Sains Awal
      - Pendidikan Moral
    - iii. Modul Kursus Dan Latihan Guru Tabika Perpaduan
    - iv. Buku Panduan Pengajaran Tahunan / Mingguan / Harian Tabika Perpaduan.
    - v. Buku Pentaksiran Harian / Bulanan Tabika Perpaduan
    - vi. Buku Pengurusan dan Pentadbiran Tabika Perpaduan.
    - vii. Unit Naziran Tabika Perpaduan
    - viii. Memantapkan imej dan identiti Tabika Perpaduan.
  5. Usaha mempertingkatkan kualiti Tabika Perpaduan yang dilaksanakan secara inklusif ini adalah bertujuan memastikan semua murid berpeluang menerima pendidikan yang berkualiti dan menepati matlamat penubuhannya sebagai tapak integrasi untuk menyemai dan memupuk semangat perpaduan.

6. Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 merupakan pelan yang menggariskan hala tuju ke arah memantapkan peranan Tabika Perpaduan sebagai institusi pendidikan awal kanak-kanak yang membentuk kemenjadian murid yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, mempunyai semangat cintakan negara serta memiliki akhlak yang mulia.
7. Pelan ini merangkumi usaha penambahbaikan secara menyeluruh meliputi aspek kurikulum, kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Tabika Perpaduan dan jalinan kerjasama bersama komuniti. Kejayaan pelaksanaan pelan ini bukan hanya terletak pada usaha dan peranan Kementerian Perpaduan Negara sahaja tetapi ianya memerlukan kerjasama dan komitmen pelbagai pihak khususnya komuniti setempat.

**-TAMAT-**

***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

**Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perpaduan Negara

Tel +603 8091 8041

Fax +603 8888 8568 / 569

E-mail : pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN. UKK. 100-9/1/8 (75)